

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1991/1992**

Jun 1992

BOI 101/2: BIOLOGI SEL

Masa: [2 jam]

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi DUA soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

Bahagian A (Wajib)

1. Dengan menggunakan gambar rajah, huraikan fenomena yang berlaku di struktur membran retikulum endoplasma kasar semasa sintesis protein yang akan dirembes.
(20 markah)

2. Terangkan semua jenis struktur untuk polipeptida serta jenis ikatan yang memainkan peranan penting dalam penentuan struktur-struktur ini.
(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:-)

3. (a) Terangkan semua jenis sistem pengangkutan melalui membran sel dengan bantuan gambar rajah.
(20 markah)

- (b) Terangkan proses endositosis dan pinositosis.
(10 markah)

4. (a) Dengan menggunakan gambar rajah, huraikan semua struktur yang ada pada mitokondria serta peranan struktur-struktur tersebut.
(15 markah)

- (b) Kaitkan proses penjenaaan ATP dengan pergerakan H^+ dalam mitokondria.

(15 markah)

5. (a) Berikan lima jenis enzim yang hadir dalam lisosom serta fungsi setiap enzim.

(15 markah)

- (b) Radas Golgi terletak di antara endoplasma retikulum dengan membran sel. Terangkan peranan radas Golgi dengan menggunakan gambar rajah.

(15 markah)

